

20 JUL 1996

KEMPEN PROTES MEDIA BARAT DITUTUP

KUALA LUMPUR, 20 Julai (Bernama) -- Kempen untuk mendapatkan tandatangan wartawan dari seluruh negara bagi membantah media barat yang sering memesong berita mengenai Malaysia ditutup mulai hari ini.

Kempen yang diusahakan oleh Persatuan Wartawan Melayu Malaysia (PWM) mendapat sebanyak 1,226 tandatangan daripada wartawan seluruh negara, kata Setiausaha Agung PWM Zulkeflee Daud dalam kenyataan di sini.

Beliau berkata daripada jumlah itu, 700 tandatangan telahpun diserahkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada malam Perdana PWM 3 April lepas.

Bakiya akan diserahkan kepada Perdana Menteri tidak lama lagi, kata beliau sambil mengucapkan terima kasih kepada semua wartawan yang menyokong kempen itu.

-- BERNAMA

HT MAI